

28/01/2003

Ajak pelajar mantapkan suara keamanan

Azimi Daim

DOMINASI generasi muda dalam kempen keamanan sejagat anjuran hampir 500 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di bawah Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) kini bagaikan menjadi satu lagi saluran suara orang muda.

Kempen tanda tangan Aman Malaysia yang semakin rancak hampir setiap hari memaparkan wajah anak muda, termasuk belia, di akhbar dan televisyen. Sebagai mata dan telinga orang muda, penulis dan rakan-rakan gembira dengan perkembangan ini.

Malah, lapisan tua juga menyambut baik inisiatif ini.

"Dah lama kita tunggu anak muda bangkit macam ni," demikian antara pandangan dari kalangan mereka.

Inisiatif keamanan sejagat ini penting kerana suara Malaysia di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad didengar oleh dunia dan disokong banyak negara. Sejarah membuktikan, walaupun tiap kata-kata Mahatma Gandhi, Jose Rizal, Jawaharlal Nehru dan Nelson Mandela cuba ditenggelamkan oleh kuasa lebih besar, hingga kini dunia mengiktiraf "suara keamanan" mereka.

Jika semua generasi muda tampil bersuara menerusi perikatan NGO pelbagai agama, kaum, parti politik, kerjaya, belia dan wanita seperti Aman Malaysia, suara keamanan kita akan bertambah mantap.

Paling mudah sokongan suara ini bersatu di bawah Kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia yang bakal disalurkan kepada Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), 23 hingga 25 Februari nanti.

Kejayaan kita bersatu suara dan meyakinkan sidang delegasi NAM akan memberi banyak makna kerana NAM dianggotai oleh 114 negara. (Pertubuhan terbesar dunia, iaitu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, menggabungkan 194 negara)

Urutan kehangatan kempen ini bertambah meriah dengan pembabitan wanita, sami dan penganut Hindu, pertubuhan kaum Cina dan belia Kristian. Tidak kurang juga penyertaan Belia Sosialis DAP (Dapsy) sejak pertemuan pertama pada 3 Januari lalu.

Masa semakin suntuk, seluruh tenaga anak muda perlu digerakkan untuk mencapai sasaran sejuta tanda tangan itu. Kesungguhan siswa-siswi bermula di Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (Kustem) di Pantai Timur bakal bersahutan.

Namun, diharap berterusan mengumpul tanda tangan dari sekitar Kelantan dan Terengganu.

Selain peluasannya ke pelbagai universiti di Lembah Klang, Sabah, Sarawak, utara dan selatan tanah air, adalah baik semua pelajar sekolah menengah mahupun rendah diajak bersama menandatangani kempen keamanan sejagat ini.

Walaupun mungkin ada yang masih terlalu kecil untuk mengerti nikmat keamanan, kempen Aman Malaysia bukan untuk generasi golongan seusia penganjurnya yang kini menjadi ahli dan menerajui pelbagai NGO itu.

Kanak-kanak sekolah adalah pewaris dunia ini dan bakal mentadbirnya. Walaupun ada yang mempersoalkan pembabitan mereka, konsep persaudaraan sesama insan dan cintakan keamanan boleh dipupuk menerusi kempen Aman Malaysia.

Bukan saja erti aman dapat disemai, malah kanak-kanak di bangku sekolah itu bakal menjiwai kemerdekaan, menghayati perpaduan dan menyelami hikmah keindahan manusia yang berbangsa-bangsa.

Pastinya keikhlasan sekian banyak NGO di bawah Aman Malaysia itu memberi nilai dan makna kepada generasi muda Malaysia dan dunia.

Dengan persetujuan dan kebijaksanaan Menteri Pendidikan Malaysia, tentulah penyertaan pelajar sekolah boleh terlaksana. Suara mereka merintis sumbangan bernilai dan bermakna sebagai warga dunia akan datang.

Akhirnya, salam keamanan untuk anak merdeka dan saksikan nanti kehadiran kanak-kanak Palestin yang menjadi mangsa kekejaman jenayah perang tentera di tanah air mereka sendiri, pertengahan Februari ini.